

TEKS UCAPAN
TUAN SETIAUSAHA PERBANDARAN
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MAJLIS PERASMIAN PROGRAM KITAR SEMULA DAN
MEMBUAT KOMPOS SISA DAPUR ORGANIK CIMB BANK
DEWAN KAFA, PERMATANG NIBONG
JAM 3.00 PETANG ,
30 SEPTEMBER 2012 (AHAD)

.....
Terima kasih Saudara Pengacara Majlis.

Yang Berusaha En Ong Koon Liak

Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha En Ahmad Tarmizi

Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Dihormati Cik Teh Peik Lik

Wakil CIMB Bank Cawangan Maju Utama

Yang Dihormati Pn Shaliza

Wakil CIMB Bank Cawangan Maju Utama

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Selamat Petang
dan Salam Sejahtera,

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Pertama sekali, saya ingin merakamkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya hadir bersama tuan-tuan dan puan-puan dalam program yang amat penting kepada kebaikan masyarakat serta Majlis Perbandaran Seberang Perai iaitu Majlis Perasmian Program Kitar Semula Dan Membuat Kompos Sisa Dapur Organik CIMB Bank di Dewan Kafa, Permatang Nibong.

Sejak beberapa tahun ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah memulakan Program Kitar Semula dan Program Kompos secara berterusan di seluruh Negeri Pulau Pinang. Pada masa kini, aktiviti-aktiviti kitar semula dan kompos semakin banyak dilaksanakan oleh pelbagai peringkat masyarakat. Ini sebenarnya merupakan suatu petanda yang positif di mana kebanyakan masyarakat kita bukan sahaja sudah mempunyai rasa tanggungjawab malah telah mula bertindak untuk

memelihara alam sekitar dengan mengamalkan kitar semula dan membuat baja kompos daripada sisa dapur atau sisa organik.

Tujuan program kita pada petang ini adalah untuk mengurangkan jumlah sampah yang dibuang di tapak pelupusan sampah. Pertambahan jumlah penduduk dari setahun ke setahun akan meningkatkan lagi isipadu sampah-sarap yang dihasilkan dan seterusnya menambah perbelanjaan serta menyulitkan lagi pihak Majlis untuk mendapatkan tapak pelupusan yang sesuai pada masa akan datang.

Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan,

MPSP mengutip sekurang-kurangnya 1000 tan sampah-sarap pada setiap hari. Ini tidak termasuk besi-besi buruk atau sampah-sarap yang dibuang sendiri oleh individu atau syarikat-syarikat yang beroperasi di sekitar Seberang Perai. Semua sampah-sarap ini akan dibuang ke tapak pembuangan sampah atau dilonggokkan di tempat-tempat pembuangan haram sehingga menjejaskan keindahan dan estetika perbandaran. Akibatnya, Majlis Perbandaran

Seberang Perai membelanjakan beratus-ratus ribu ringgit setiap tahun untuk mengendalikan pengurusan sampah-sarap tersebut.

Oleh itu, MPSP telah menjalankan aktiviti kitar semula, kadar kitar semula bagi tahun pertengahan pertama tahun 2012 iaitu sehingga bulan Ogos adalah 24.81%. Sasaran Kerajaan Negeri untuk tahun 2012 ialah 30%. Kos pengurusan sampah-sarap yang berjaya diijamatkan oleh MPSP sebanyak 8 bulan adalah sebanyak RM 1.44 juta.

Selain daripada Program Kitar Semula, program membuat kompos daripada sisa organik juga dapat membantu mengurangkan pembuangan sisa ke tapak pelupusan disamping dapat menghasilkan baja. CIMB Bank telah menaja peruntukan sebanyak RM 36,000.00 telah diperuntukkan di Seberang Perai Utara, RM 41,000.00 untuk Seberang Perai Tengah dan RM 36,000.00 untuk Seberang Perai Selatan bagi program ini.

Program yang akan dirasmikan pada petang ini juga selaras dengan

Fokus MPSP 2012 iaitu :

- Fokus 1 : Pembersihan dan Kehijauan
- Fokus 2 : Eko-Komuniti (Community Management)

Pelbagai program telah diadakan bagi memastikan kedua-dua fokus tercapai seperti:

- Program Kitar Semula - 4R (Rethink, Reduce, Reuse, Recycle)
- Anugerah Sekolah Hijau [30 buah sekolah (tahun 2010), 36 sekolah (tahun 2011), 52 buah sekolah (Ogos 2012)].
Anugerah ini dibahagi kepada Kategori Sekolah Rendah dan Kategori Sekolah Menengah. Peningkatan ini menunjukkan kesedaran di peringkat sekolah dalam aspek kebersihan dan kehijauan.
- Program Zero Waste
- Program Industri Hijau
- Program Keindahan dan Keceriaan Bandar
- Program CSR
- Mud Ball

- Penghasilan sabun daripada minyak terpakai

Saya juga menyeru kepada penduduk di sekitar Permatang Nibong agar dapat menerapkan nilai-nilai hijau di kawasan persekitaran rumah masing-masing yang sejajar dengan hasrat Kerajaan Negeri iaitu menjadikan “*Cleaner, Greener, Safer & Healthier Penang*” Hasrat Kerajaan Negeri ini juga seiring dengan fokus dan visi MPSP.

Akhir sekali, saya merakamkan ucapan terima kasih sekali lagi kepada CIMB Bank diatas sumbangan dan kerjasama yang diberikan kepada MPSP dalam menjayakan program ini. Tidak lupa juga kepada tuan-tuan dan puan-puan yang sudi hadir dan memberikan komitmen penuh kepada program ini.

Dengan harapan yang sedemikian, saya dengan segala sukacitanya merasmikan Majlis Perasmian Program Kitar Semula dan Pengurusan Sisa Dapur Organik Tajaan CIMB Bank pada petang ini.